PNB PERSPECTIVES



Para pelajar tajaan PNB kohort 10 mengambil gambar kenangan selepas majlis pra-keberangkatan biasiswa.

Legasi Tiga Dekad



6,500+

pelajar disokong sejak 1996

20

program pendidikan & biasiswa

RM569.3 juta

pelaburan pendidikan

Pendidikan sebagai pemangkin pembangunan modal insan

Membuka peluang kepada generasi muda Malaysia

Membuka Ruang Memperluas Peluang



1,152 pelajar menerima manfaat BUDI PNB

RM 42 juta  dibelanjakan untuk program biasiswa pada tahun 2025



1,200+ penerima biasiswa aktif

Evolusi Inisiatif Pendidikan PNB

01

1996

Permulaan legasi pendidikan PNB

02

2000-an

Memperluas peluang ke peringkat global

03

2010-an

Memperkukuh pembangunan bakat strategik

04

2019-2020

BUDI PNB memperluas akses pendidikan

05

2024-2025

BUDI diperluas kepada TVET & Jalinan BUDI PNB

Membina LEGASI, Memperkasa GENERASI

- 333 alumni kini berkhidmat di PNB
- 30% pengurusan tertinggi terdiri daripada alumni
- Sumbangan perkhidmatan alumni merentasi pelbagai bidang
- Peluang membentuk pemimpin masa hadapan
- Legasi diteruskan untuk generasi seterusnya

Klik pautan di bio untuk membaca artikel penuh.



PNB Legasi Tiga Dekad

Berteraskan dukungan Mandat untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah memainkan peranan penting dalam memperluas penyertaan ekonomi serta membina asas kekayaan untuk generasi kini dan akan datang sejak penubuhannya.

Namun, kekayaan tidak terbina semata-mata melalui aset dan modal kewangan. Ia turut bergantung kepada modal insan - melalui individu yang berilmu, berkemahiran dan berkeupayaan untuk mencipta nilai serta menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara.

Hakikat ini turut selari dengan agenda Bakat MADANI yang digerakkan oleh kerajaan, yang menyasarkan pembangunan bakat anak bangsa bagi memacu daya saing ekonomi negara di peringkat global. Dalam landskap ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan inovasi, keperluan terhadap tenaga kerja mahir dan berdaya saing menjadi semakin penting. Ini bukan sahaja untuk memenuhi keperluan industri semasa, tetapi juga untuk memastikan Malaysia kekal progresif, dan semuanya bermula dengan pendidikan.

Selama tiga dekad, pendidikan menjadi antara wadah penting PNB dalam membuka ruang dan peluang kepada generasi muda Malaysia untuk membina masa hadapan yang lebih cerah.

Sesi suai kenal untuk para pelajar tajaan PNB, yang menuntut A-Levels di Kolej Yayasan UEM (KYUEM), Lembah Beringin.

Sejak memperkenalkan inisiatif biasiswa pendidikan pertamanya pada 1996 - bermula dengan program seperti Program Biasiswa Global PNB dan Anugerah Kecemerlangan Yayasan Tun Ismail (YTI) - PNB bukan sekadar menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar berpotensi tinggi, tetapi turut membina asas pembangunan bakat negara secara berterusan.

Kini, dengan penawaran 20 program berteraskan pendidikan, usaha ini mencerminkan komitmen menyeluruh PNB untuk membangunkan bakat, memperkukuh modal insan, serta membina barisan pemimpin yang mampu menyumbang kepada kemajuan masyarakat, organisasi dan negara.

Satu peluang, seribu kemungkinan

Lebih dari **6,500** pelajar disokong sejak 1996

20 program biasiswa

Pelaburan keseluruhan untuk pendidikan **RM569.3 juta**

Setakat ini, PNB telah menyokong lebih dari 6,500 pelajar, dengan jumlah pelaburan keseluruhan sebanyak RM569.3 juta melalui 20 program biasiswa. Ini merangkumi program-program biasiswa PNB, YTI dan inisiatif Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI) PNB, yang meliputi semua peringkat pendidikan seperti peringkat menengah, pengajian tinggi, pensijilan profesional, institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), serta pascasiswazah.

Untuk tahun 2025 sahaja, sebanyak RM42 juta telah dibelanjakan dengan lebih 1,200 penerima biasiswa aktif sedang melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara.

SEPTEMBER 2026 1

Legasi Tiga Dekad